

TINJAUAN BUKU MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

BOOK REVIEW TEACHING MODULE OF MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

Rahmah Hayati Musa*, Noornajihan Ja'afar, Mohd Nur Adzam Rasdi & Anisah Razali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

*rahmahmusa99@gmail.com**

ABSTRACT

Some Islamic country in particular has its own Braille version of the Quran. On 26 April 2022, the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) has already published Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) and was inaugurated by the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Senator Datuk Idris Ahmad. The writing of MQBM has been improved by using Rasm Uthmani's writing method guided by Mashaf Madinah Mujamma' Malik Fahd, Saudi Arabia. So, a teaching module on MQBM titled Mashaf Al-Quran Braille Malaysia Teaching Module (MPQBM) has been developed. At the same time, there is no module that debates MQBM. Therefore, this paper is intended to reveal the matters discussed in this module. This study uses a qualitative approach by applying document analysis methods. This module discusses in detail the latest MQBM writing system from the perspective of Rasm and Dabt based on the Uthmani Rasm approach. It is also debated the general method of using the Al-Quran Braille modules. This module review hoped can provide an optimal explanation regarding the use of the MPQBM. In addition, it could be helpful to give exposure to the researchers as well as Quranic teachers in the field of Quran Braille with the existence of the module that debates this new MQBM.

Keywords: *Al-Quran Braille Mashaf Malaysia, Teaching Module, Writing Method, Rasm Uthmani*

ABSTRAK

Sebahagian negara-negara Islam khususnya mempunyai al-Quran versi Braille yang tersendiri. Pada 26 April 2022, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah pun menerbitkan sebuah Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) dan telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Idris Ahmad. Penulisan MQBM ini telah ditambah baik dengan menggunakan kaedah penulisan Rasm Uthmani berpandukan Mashaf Madinah Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi. Maka, sebuah modul pengajaran berkenaan MQBM yang bertajuk Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MPQBM) telah dibangunkan. Dalam masa yang sama masih belum ada modul yang membahaskan berkenaan MQBM ini. Justeru, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mendedahkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam modul ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis dokumen. Modul ini membahaskan secara terperinci sistem penulisan MQBM yang terkini dari sudut *Rasm* dan *Dabt* berdasarkan pendekatan *Rasm Uthmani*. Ia juga turut membahaskan mengenai kaedah umum bagi penggunaan modul Al-Quran Braille. Kupasan modul ini diharap dapat memberikan penjelasan yang optimum berkaitan penggunaan MPQBM. Di samping itu, ia dapat membantu memberi pendedahan kepada para penyelidik dan juga guru al-Quran dalam bidang Al-Quran Braille dengan adanya modul yang membahaskan berkenaan MQBM yang baharu ini.

Kata kunci: Al-Quran Braille Mashaf Malaysia, Modul Pengajaran, Kaedah Penulisan, Rasm Uthmani

PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W buat seluru hambanya tanpa mengira tipikal atau kurang upaya (OKU) sebagai satu panduan hidup di atas muka bumi ini. Penerbitan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia telah menjadi sebuah usaha yang besar dalam membantu komuniti OKU Penglihatan Muslim di Malaysia khususnya bagi menambah baik kualiti bacaan al-Quran mereka.

Kebanyakan Al-Quran Braille yang digunakan di kebanyakan negara lain adalah berasaskan kaedah penulisan Rasm Imlai dan belum lagi ada Al-Quran Braille yang dibangunkan sepenuhnya mengikut corak penulisan Rasm Uthmani sebagaimana mashaf Rasm Uthmani bercetak yang digunakan di seluruh negara (Kementerian Dalam Negeri, 2021). Oleh yang demikian timbul sebuah usaha ke arah menyelaraskan kaedah penulisan Al-Quran Braille sedia dengan Rasm Uthmani yang bermula pada tahun 2015. Maka terbitlah sebuah Al-Quran Braille yang baharu yang dikenamakan sebagai Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) pada tahun April 2022 (Anisah Razali et al., 2022).

Penulisan MQBM yang terkini adalah mengikut kaedah penulisan *Rasm Uthmani* dimana ia berpandukan kepada mashaf al-Quran bercetak terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi atau dikenali sebagai mashaf Madinah. Corak penulisan MQBM juga berbeza dengan kaedah penulisan Al-Quran Braille PERTIS sebelum ini yang mana ia berasaskan kepada *Rasm Imlai* (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2014). Al-Quran Braille PERTIS telah diterbitkan pada 7 Disember 1999 yang lalu dan kebanyakan corak penulisannya adalah berpandukan kepada teks Al-Quran Braille terbitan Yayasan Kesejahteraan Tunanetra Islam (YAKETUNIS), Jogjakarta Indonesia (Norakyaiyee et al., 2013). Ia merupakan Al-Quran Braille yang digunakan secara meluas di Malaysia selama lebih kurang 24 tahun lamanya. Justeru penerbitan MQBM yang baharu ini diharapkan dapat meningkatkan mutu pembacaan al-Quran komuniti OKU penglihatan.

Rentetan daripada penerbitan MQBM, maka sebuah modul telah berjaya dihasilkan bagi membantu dalam meningkatkan kefahaman serta tahap penguasaan pembaca terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) Al-Quran Braille. Modul ini sesuai dijadikan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkaitan dengan pengajaran Al-Quran Braille sebagai rujukan tambahan (Anisah Razali et al., 2022). Oleh itu, perkara ini bertepatan dengan tujuan pembangunan modul ini iaitu untuk mengisi kelompongan yang terdapat di negara ini khususnya dalam PdP Al-Quran Braille.

RINGKASAN MODUL

Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MPQBM) merupakan hasil karya bersama wakil-wakil yang terdiri daripada ahli pakar penyelidik daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Ia merupakan sebuah hasil usaha dalam memperkenalkan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia kepada masyarakat secara meluas. Modul ini dibina berasaskan buku Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia terbitan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tahun 2021 yang menekankan kaedah penulisan *Rasm Uthmani*. Modul ini mengupas dari konteks sejarah, sistem penulisan Braille, kod-kod Braille *Rasm* dan *Dabt* yang diaplิกasikan dalam Mashaf Al-Quran Braille Malaysia khususnya. Modul ini mengandungi 160 halaman tidak termasuk isi kandungan serta prakata. Pada kebanyakan halaman di dalam modul ini dilengkapi dengan contoh penulisan Braille dan kod-kod Braille bagi memudahkan kefahaman pembaca.

MPQBM ini telah diterbitkan dibawah Penerbit USIM. Penggubal ini terdiri seramai 10 orang ahli dimana sebahagian daripada mereka merupakan para penyelidik di Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Makhtum (UMMI), USIM yang dianggotai oleh Professor Madya Dr Noornajihan Jaafar, Professor Madya Dr Mahyuddin Hashim, Dr Norakyairee Mohd Raus, Dr Mohd Nur Adzam Rasdi, Pn Nur Amalina Azhar dan Cik Anisah Razali. Seterusnya, empat penulis yang lain pula terdiri daripada En Zakaria Yahya, En Mohd Nor Don, En Mohd Khairi Sulaiman dan Pn Sharipah Zainah Syed Abdul Rahman adalah merupakan ahli daripada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merangkap tenaga pengajar Quran Braille. Sebahagian daripada para penggubal ini adalah terdiri daripada barisan ahli Lajnah Taskeh Quran Braille Malaysia dan bersama-sama membangunkan MQBM ini.

Modul ini mengandungi lima topik diskusi utama yang dibahagikan kepada lima bab. Tajuk pada setiap bab adalah ringkas dan padat. Pada setiap akhir bab turut disediakan latihan bagi memantapkan pemahaman pembaca. Seterusnya modul ini dimulai dengan kata pengantar yang ditulis oleh Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) iaitu Profesor Madya Dr Mohd Zohdi Mohd Amin dan Encik Mohammad Faizal Che Yusof selaku yang Dipertua PERTIS diikuti dengan prakata dan pendahuluan.

Bab 1 membincangkan berkenaan ilmu penulisan dan pembacaan al-Quran di mana ia menekankan berkenaan ilmu *Rasm* al-Quran, ilmu *Dabt* dan ilmu *Fawasil*. Ketiga-tiga ilmu ini merupakan ilmu penting yang harus diketahui dan difahami oleh ahli-ahli Quran sama ada komuniti OKU mahupun tipikal lebih-lebih lagi kepada mereka yang mengajar Quran. Bab ini turut menyentuh tentang sumber-sumber rujukan bagi ilmu *Rasm*, *Dabt* dan *Fawasil* dimana pada bahagian ini, ia menyenaraikan kitab-kitab yang menjadi rujukan utama dalam penulisan dan pembacaan al-Quran. Selain itu, bab ini turut menghuraikan dengan lebih terperinci tentang latar belakang penulisan Mashaf Al-Quran Braille yang diterbitkan di negara-negara Islam yang lainnya dan disamping mengulas perkaitannya dengan Mashaf al-Quran yang bercetak mengikut negara masing-masing dari sudut penulisan dan pembacaan. Seperti yang diketahui penulisan Al-Quran Braille yang pertama adalah bermula di timur tengah iaitu di Jordan yang diterbitkan pada awal tahun 1950-an dan terus berkembang sehingga sampai ke Malaysia pada tahun 1990 yang dipelopori oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

Seterusnya bab 2 pula menjelaskan mengenai sistem penulisan Braille dari sudut sejarah dan perkembangan tulisan timbul (tulisan Braille) dimana ia merupakan sebuah tulisan yang berasaskan sentuhan dan menjadi medium literasi utama bagi komuniti OKU Penglihatan membaca. Ia turut menceritakan dengan lebih lanjut berkenaan perkembangan dan inovasi tulisan timbul ini yang terjadi sejak tahun 1784 sehingga kini. Tulisan Braille ini juga turut diadaptasi dalam penulisan Al-Quran Braille. Al-Quran Braille merupakan sebuah usaha bagi pembudayaan celik Al-Quran dalam kalangan komuniti OKU Penglihatan. Justeru topik ini turut mengulas berkenaan sejarah perkembangan Al-Quran Braille yang terjadi di Malaysia semenjak tahun 1979 sehingga pnerbitan MQBM yang terkini. Selain itu, ia juga dapat menjadi salah satu bahan bantu mengajar (BBM) dan teknologi asistif sebagai sebuah sokongan untuk membantu proses menguasai kemahiran Al-Quran Braille serta meningkatkan kebolehcapaian pendidikan yang inklusif.

Bab 3 pula menyentuh tentang pengenalan kod Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dari sudut *Rasm* dan *Dabt* al-Quran. Antara perkara yang dibincangkan adalah tentang pengadaptasian prinsip tulisan Braille dalam pembentukan kod Mashaf Al-Quran Braille yang berasaskan *Rasm*

dan *Dabt* seperti huruf *hijaiyyah* dan tanda-tanda baris dalam versi Braille. bagi MQBM, elemen *Rasm* dan *Dabt* ini telah diselaraskan mengikut mashaf al-Quran bercetak terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi dari sudut penggunaan dan cara huruf-huruf berserta tanda baca disusun dalam membentuk kalimah-kalimah al-Quran. Terdapat juga kaedah penulisan yang dikecualikan atas kekangan sistem penulisan atau tujuan untuk meraikan kebolehan pembaca teks Braille itu sendiri. Selain itu, pada topik ini turut disediakan contoh dalam tulisan Braille bagi setiap huruf *hijaiyyah* dan tanda baca. Penggunaan warna juga turut diaplikasikan khas untuk memudahkan pengguna modul mengenal pasti kod-kod Braille tersebut. Seperti contoh warna hitam bagi huruf (*Rasm*), warna merah bagi *Fathah*, *Kasrah*, *Dhammah* dan *Sukun* (*Dabt*) dan lain-lain warna yang mewakili *Rasm* dan *Dabt* yang lain.

Setelah itu, Bab 4 menerangkan berkenaan tanda bacaan khas dan struktur peletakannya dalam versi Braille yang terdapat di dalam MQBM. Tanda baca khas ini adalah merujuk kepada bacaan yang khusus di sesetengah tempat dalam Quran dan ia mengikut riwayat bacaan *Hafs an 'Asim* seperti *Tashil*, *Isymam* dan *Imalah* serta hukum bacaan *Sin* pada *Sad*. Antara tanda baca khas lain yang turut diterangkan di dalam topik ini adalah seperti *Sakrah*, *Sajdah*, *Waqf* dan pengecualian pada *Alif* Kecil. Setiap tanda-tanda khas tersebut disertakan contoh kalimah dan kod braille bagi setiap kalimah tersebut agar pembaca lebih jelas dan faham akan pengaplikasian setiap tanda baca khas tersebut dalam MQBM.

Manakala pada bab yang terakhir iaitu Bab 5, perbincangan adalah memfokuskan kepada kaedah umum penulisan Al-Quran Braille. Pada modul ini, ia mengupas mengenai beberapa keunikan dan perbezaan di dalam Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dengan mashaf bercetak. Antara perkara yang disentuh disini ialah penandaan bagi permulaan ayat, juzuk, tanda *Hizb*, *Rubu'*, pembahagian jilid, tanda nombor dan lain-lain tanda yang tidak ditranskripsi sama seperti Mashaf yang bercetak.

KELEBIHAN MODUL

Kelebihan yang terdapat pada modul ini adalah ia merupakan modul pertama yang diterbitkan di Malaysia yang menerangkan mengenai Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dalam konteks Malaysia khususnya dari aspek penulisan berdasarkan prinsip *Rasm* dan *Dabt* al-Quran *Rasm Uthmani*. Bukan itu sahaja, modul ini juga memberi maklumat khusus mengenai ilmu *Rasm* dan *Dabt* yang mencakupi tanda-tanda kod Braille serta tanda baca khas yang terkandung di dalam Mashaf Al-Quran Braille Malaysia. Sebelum ini, Mashaf Al-Quran Braille PERTIS telah menggunakan kaedah penulisan *Rasm Imlai* dimana ia tidak selaras dari sudut penulisan dengan *Rasm uthmani* (Mohd Nur Adzam Rasdi et al., 2021). Maka penerbitan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini adalah sebagai sebuah anjakan paradigma ke arah yang lebih baik agar komuniti OKU Penglihatan ini berupaya merujuk bahan bacaan yang berkualiti. Modul ini juga telah berjaya diterbitkan secara ilmiah dan seterusnya membantu memberikan pendedahan serta menyebar luaskannya kepada komuniti OKU Penglihatan berkenaan kaedah penulisan baru bagi Mashaf Al-Quran Braille Malaysia yang terkini berpandukan kaedah *Rasm Uthmani*.

Seterusnya, kandungan penulisan modul ini menggunakan gaya bahasa, persembahan serta perbincangan ilmiah yang mudah untuk difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Ia juga dilengkapi dengan peta minda serta gambar rajah berwarna khususnya pada gambar kod-kod Braille bagi memudahkan pengguna baru mengenal kod-kod Braille serta memahami isi kandungan yang disampaikan dengan jelas.

Modul ini juga sesuai dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan pengajaran dalam membantu mengaplikasikan kaedah dan teknik yang sesuai sepanjang tempoh pengajaran Al-Quran Braille dalam kalangan tenaga pendidik dan para pelajar di Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah (FPQS), USIM terutamanya yang mengikuti Kursus Aplikasi Braille. Pada masa yang sama, modul ini juga dapat digunakan di institusi-institusi kerajaan atau bukan kerajaan dalam kelas-kelas pengajian sama ada bersama komuniti OKU Penglihatan mahupun tipikal dalam usaha memartabatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille di Malaysia.

Keistimewaan lain modul ini adalah ia telah diterbitkan dalam dua versi yang berbeza iaitu versi cetakan biasa bagi komuniti tipikal dan versi cetakan Braille khusus buat komuniti OKU Penglihatan. Ia bertujuan memenuhi keperluan komuniti OKU Penglihatan dalam memahami serta mempelajari Al-Quran Braille sesuai dengan kekuatan serta keupayaan diri mereka.

CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Di akhir kajian ini, terdapat beberapa cadangan serta penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan untuk meningkatkan kualiti modul. Tidak dapat dinafikan bahawa penerbitan MPQBM ini memberikan satu impak yang besar buat seluruh masyarakat sama ada tipikal ataupun OKU Penglihatan dalam mempelajari Mashaf Al-Quran Braille Malaysia. Bagi memudahkan lagi pemahaman pengguna, disarankan kepada pusat pengajaran Al-Quran Braille dan institusi-institusi yang menawarkan kursus Al-Quran Braille agar menjalankan lebih banyak kursus-kursus dengan menggunakan modul ini sebagai bahan pengajaran dalam usaha memberikan pendedahan berkenaan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia.

Seterusnya, memperbanyakkan latihan pengukuhan pada setiap bab terutamanya yang melibatkan kod-kod Braille Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dan tanda baca baca khas yang bertujuan untuk memantapkan lagi pemahaman pembaca terhadap fungsi-fungsi bagi setiap kod-kod Braille tersebut di samping mengaplikasikannya dalam pembacaan.

Selain itu, menerbitkan modul lain yang berkaitan pengajaran Al-Quran Braille. sebagai contoh modul tajwid, modul buku latihan khusus dan lain-lain. Ini bertujuan untuk memberikan fokus kepada pembaca mempelajari Braille agar dapat memantapkan lagi pemahaman mereka berkenaan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia.

KESIMPULAN

Seperti yang dibincangkan di dalam MPQBM, penambahbaikan yang diaplikasikan di dalam Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini merupakan sebuah inisiatif bagi meningkatkan kualiti pembacaan komuniti OKU Penglihatan supaya mereka tidak ketinggalan jauh di belakang.

Akhir sekali, karya ini telah memberi sumbangan yang besar dalam pengajian Islam, khususnya terhadap pemahaman latar belakang Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) serta kemahiran dalam menguasai sistem penulisan MQBM yang terkini. Ia juga menjadi sebuah langkah awal dalam mendekatkan komuniti OKU Penglihatan terhadap agama bermula dengan pembacaan al-Quran yang betul dan sempurna. Seterusnya modul ini berupaya menyebarluaskan penyelidikan dalam bidang ini demi masa depan yang lebih cerah kepada masyarakat dalam aspek pendidikan Quran.

RUJUKAN

- Anisah Razali, Noornajihan Jaafar, & Mohd Nur Adzam Rasdi. (2022). *Sejarah Perkembangan Al-Quran Braille di Malaysia*. Proceeding of International Conference on Ummah 2022.
- Kementerian Dalam Negeri. 2021. *Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia*. Putrajaya
- Mohd Nur Adzam Rasdi, Muhammad Yusry Affandy Md Isa, Noornajihan Jaafar, Khairul Anuar Mohamad, & Norakyairee Mohd Raus. (2021). *Implikasi Ketiadaan Sifir Mustadir ke atas Pentilaohan Al-Quran Braille (Implications of The Absence of Sifir Mustadir on Braille Al-Quran Recitations)*. In JQSS-14 JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (Vol. 5, No. 4).
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2014). *Braille Al-Quran: Sejarah dan Kaedah (2014th ed.)*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Ab Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh, & Hajarul Bahti Zakaria. (2013). *Pengajaran Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa (The Teaching of Quranic Braille: Its Issues and Current Challenges)*. International Journal on Quranic Research (IJQR) (Vol. 3, Issue 4).
- Noornajihan Jaafar, Mahyuddin Hashim, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar, Anisah Razali, Zakaria Yahya, Sharipah Zainah Syed Abdul Rahman, Mohd Nor Don, Mohd Khairi Sulaiman. (2022), *Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia*, Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norhasnira et al. (2015). *Modul Pengajaran Al-Quran Braille: Tinjauan Awal*. Tajdid In Qur'anic Studies P43-54. Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.